

# Penglibatan Wanita Di Dalam Politik Dari Kacamata Hukum

Sharifah Hayati bt. Syed Ismail

## Abstract

*In general, training and educational opportunities have increased the number of women involved in activities in various fields, economics, social, etc. An issue that is commonly highlighted and remains controversial is the involvement of women in politics especially in Muslim communities. The article will look into the issue from the Islamic perspective covering their rights as well as the areas allowable for them.*

## Pendahuluan

Keterlibatan wanita di dalam politik adalah satu isu kontroversi, bukan sahaja di kalangan masyarakat dewasa ini bahkan juga di kalangan para fuqaha'. Semuanya bermula apabila wanita mula bergiat di luar rumah di dalam pelbagai bentuk aktiviti seharian. Pokok perbincangan yang ingin dikupas melalui penulisan ini ialah; adakah wanita mempunyai hak untuk berpolitik dan sejauhmanakah hak tersebut diharuskan?

## Wanita Di Bidang Politik

Penglibatan wanita di bidang politik boleh dibahagikan kepada 2 bahagian; pertama, penglibatan secara langsung dan penglibatan secara tidak langsung. Penglibatan secara tidak ialah seperti menjadi pengundi di dalam pilihanraya, pengkritik dan lain-lain peranan yang tidak terlibat secara praktik di dalam pemerintahan dan kepimpinan. Manakala penglibatan secara langsung pula seperti menjadi Perdana Menteri, Menteri, Ahli Parlimen dan pelbagai lagi jawatan lain yang berfungsi sebagai pemimpin di dalam sesebuah pemerintahan.

Mohamad Ali Qutb di dalam buku beliau *Bai'ah al-Nisa'* berpendapat, keterlibatan secara tidak langsung jelas dibolehkan, malah ia menjadi hak mereka. Bahkan juga satu kewajipan ke atas mereka.<sup>1</sup> Pandangan ini diasaskan kepada firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*"Kaum wanita mempunyai hak-hak yang harus mereka perolehi dan mempunyai kewajipan yang harus mereka tunaikan".*

*(al-Baqarah: 229)*

Prof. Dr. Hamka dalam mentafsirkan ayat ini berpendapat, kaum wanita mempunyai hak dan kewajipan sebagaimana kaum lelaki. Kewajipan ini bukanlah hanya kewajipan untuk mentaati dan berkhidmat untuk suami semata-mata. Bahkan mereka juga mendapat 'taklif' dari Allah di dalam hal-hal yang bersangkutan dengan keimanan, amal salih, ibadat, mua'malat dan sebagainya. Di antaranya, kaum wanita juga berbai'ah bersama-sama Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana kaum lelaki.<sup>2</sup> Hal yang sama juga dinyatakan oleh al-'Allamah JalaludDin Muhammad dan JalaludDin AbdurRahman di dalam buku tafsir mereka bertajuk *Tafsir al-Imamain al-Jalalain*.<sup>3</sup> Juga diasaskan kepada firman Allah yang bermaksud:

*"Orang (kaum) lelaki mempunyai hasil keuntungan dari usahanya dan orang perempuan memperoleh hasil keuntungan dari apa yang diusahakannya"*

*(al-Nisa': 32)*

Menurut tafsiran Ibn Jarir di dalam buku tafsir al-Quran yang terkenal dengan tafsir *Ibn Kathir*, ayat ini menunjukkan bahawa setiap amal baik yang dilakukan oleh seseorang itu, tidak kira samada lelaki mahupun perempuan akan dibalas baik. Begitu pula sebaliknya.<sup>4</sup> Manakala Prof. Dr. Hamka pula menambah bahawa ayat ini diturunkan bertujuan supaya manusia giat berusaha dan tidak hanya duduk berangan-angan dan termenung sahaja. Seseorang itu akan diberi ganjaran berdasarkan usahanya itu.<sup>5</sup>

Begitu juga para ulama sebulat suara berpendapat tidak harus bagi wanita menjawat jawatan Ketua Negara.<sup>6</sup> Mereka sepakat mengatakan bahawa kaum wanita tidak harus melibatkan diri dengan kedudukan berkenaan berasaskan kepada firman

Allah yang bermaksud:

*“Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita”*

*(al-Nisa’:34)*

Menurut tafsiran Ibn Kathir, ayat di atas menunjukkan kepimpinan kaum lelaki ke atas kaum wanita di dalam hal-hal rumahtangga dan kepimpinan. Ini jelas apabila semua para Nabi dan Rasul adalah dari kalangan kaum lelaki.<sup>7</sup> Satu sandaran lain daripada baginda Rasulullah (s. ‘a.w.) yang juga berpendapat seperti itu bermaksud:

*“Tidak akan mencapai kemenangan kaum yang menyandarkan urusan (kepimpinan) kepada kaum wanita”<sup>8</sup>*

Merujuk kepada hadis di atas, Muhammad Bin ‘Ali Bin Muhammad al-Shawkani di dalam buku hadisnya yang terkenal *Nail al-Awtar* mengatakan para fuqaha’ sepakat bahawa kaum wanita itu tidak harus menjadi Kadi atau ketua yang berperanan memutuskan sesuatu hukum. Hanya Imam Abu Hanifah sahaja yang tidak mensyaratkan lelaki sebagai Kadi kecuali di dalam memutuskan hukum yang bersangkutan dengan kes-kes hudud seperti zina dan mencuri.<sup>9</sup>

Mengikut Dr. Zaidan Abdul Baqi, Athar daripada Saidina Ali Bin Abi Thalib juga dijadikan dalil bagi mengukuhkan lagi pandangan ini. Ia bermaksud:

*“Wahai manusia! janganlah kamu mentaati wanita dan jangan kamu biarkan mereka menguruskan urusan hidup”<sup>10</sup>*

Sebahagian ulama<sup>11</sup> memberikan pandangan mereka tentang hal ini dengan merujuk kepada ketidakupayaan wanita menjadi saksi di dalam memutuskan sesuatu kesalahan jenayah yang bersabit dengan hukuman hudud dan qisas. Ketidakupayaan ini adalah disebabkan kesaksian mereka di dalam hal-hal tersebut tidak diterima di dalam Islam.

Kenyataan hukum ini bukanlah menjadi pokok perbincangan penulisan ini. Kerana ia jelas daripada persepakatan para ulama. Dalam sistem perhukuman Islam ijma’ para fuqaha’ merupakan salah satu daripada sumber hukum yang muktabar.<sup>12</sup> Pokok perbincangan yang hendak dipaparkan oleh penulis di ruangan ini ialah tentang jawatan lain selain daripada jawatan khalifah yang telah dinyatakan di atas. Sebenarnya, para fuqaha’ samada *salaf* mahupun *khalaf* telah memberikan pandangan yang berbeza berhubung dengan hal ini. Perbezaan pandangan ini adalah ekoran daripada ketiadaan suatu dalil samada daripada al-Quran mahupun Sunnah yang sahih menerangkan hal tersebut.

Menurut Abul A’la al-Maududi, kaum wanita tidak boleh dibebankan dengan tanggungjawab politik kerana ia adalah bidang bagi kaum lelaki. Namun, pandangan kaum wanita hendaklah diminta di dalam perkara-perkara politik. Ini bererti kaum wanita itu boleh mengundi tetapi tidak boleh diundi menurut beliau.<sup>13</sup> Dalil yang

dikemukakan bagi menguatkan pandangan ini ialah sabda Nabi s. 'a.w. yang bermaksud:

*"Tidak akan mencapai kemenangan kaum yang menyandarkan urusan (pimpinan) mereka kepada kaum wanita"*<sup>14</sup>

Kenyataan yang sama juga dikemukakan oleh Muhammad 'Ali Qutb yang menukikan pandangan daripada para ulama' mutaqqaddimin. Menurut beliau, para ulama' mutaqqaddimin juga berpendapat sedemikian dengan alasan bahawa keterlibatan wanita itu hanya akan membawa kepincangan dan kemusnahan kepada pimpinan tersebut.<sup>15</sup>

Alasan-alasan lain yang dikaitkan dengan kenyataan ini ialah kelemahan semulajadi kaum wanita samada fizikal mahupun spiritual seperti beremosi tinggi, tidak berfikiran panjang di dalam membuat sesuatu keputusan, cepat melatah atau melenting apabila dikritik dan pelbagai sifat-sifat negatif lain lagi.

Tidak kurang juga pandangan yang menganggap bahawa kaum wanita tidak akan dapat mengelakkan diri daripada kemungkaran jika mereka terlibat di dalam politik.<sup>16</sup> Penulis Islam terkenal Mustafa al-Siba'i berpendapat, penglibatan wanita di dalam lapangan ini lebih mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat walaupun hukumnya tidak dikatakan haram.<sup>17</sup> Ulama lain pula mempertahankan pandangan mereka dengan mengatakan bahawa Allah telah menjadikan rumah itu sebagai sebaik-baik tempat bagi wanita. Manakala kewajipan mereka sebagai isteri dan ibu itu adalah sebaik-baik kewajipan.<sup>18</sup>

Oleh kerana kewajipan itu adalah suatu amanah yang besar, mereka berpendapat adalah lebih baik sekiranya kaum wanita dapat menjauhkan diri daripada mencampuri urusan-urusan yang memaksa mereka bergandingan dengan kaum lelaki itu. Kecualilah dalam hal-hal *dharuri* seperti menuntut ilmu, beribadat dan bertujuan untuk menolong para mujahid.<sup>19</sup>

Sebaliknya pula, sebahagian para fuqaha' lain berpendapat bahawa kaum wanita dibolehkan berpolitik sebagaimana juga kaum lelaki. Pandangan ini kebanyakannya disuarakan oleh para fuqaha' mutakhirin.<sup>20</sup> Ia berpandukan kepada firman Allah yang menunjukkan peranan kaum lelaki dan perempuan yang sama penting iaitu maksudnya:

*"Wahai manusia! Patuhlah (bertaqwa) kepada Tuhanmu yang telah menjadikan kamu dari jiwa yang satu dan dijadikan daripadanya isteri dari jenisnya sendiri dan diperkembangbiakkan dari keduanya lelaki dan perempuan yang ramai"*

(*al-Nisa': 1*)

Satu ayat lain yang menjadi nas kepada pandangan mereka ialah firman Allah yang bermaksud:

*"Dan orang-orang lelaki mukmin dan orang-orang perempuan"*

*mukminat mereka adalah penolong bagi sebahagian yang lain, mereka menyuruh melakukan maaruf dan melarang melakukan yang munkar”*  
(*al-Taubah: 71*)

Ayat ini dikatakan turun selepas *bai'ah al-nisa'* yang meliputi juga kaum lelaki. Cuma kaum wanita dalam menjalankan fungsi *amar maaruf nahi munkar* tidak seperti kaum lelaki yang dibolehkan berjihad dengan erti kata yang sebenar iaitu berperang *fi sabilillah* kecuali di dalam keadaan *darurat*.<sup>21</sup>

Sebahagian yang lain pula mengatakan bahawa hak berpolitik bagi wanita bukanlah satu persoalan fiqh klasik, tetapi satu persoalan semasa yang perlu diselesaikan berdasarkan keadaan dan suasana semasa juga. Muhammad Ali Qutb apabila menyuarakan pandangan beliau sendiri mengatakan bahawa istilah berpolitik sebagaimana yang sering terpakai pada masa ini tidak terkenal pada zaman permulaan Islam. Wanita pada ketika itu dibenar menjalankan *amar maaruf nahi munkar* atas alasan ianya satu jihad.<sup>22</sup> Seseengah penulis, menyimpulkan kenyataan seumpama ini sebagai berpolitik juga dibolehkan kerana ianya juga satu jihad dan fungsinya sama dengan *amar maaruf nahi munkar*.<sup>23</sup>

Mengikut kalangan ini, keterlibatan wanita samada di dalam hal ehwal kemasyarakatan mahupun siyasah bukan sahaja menjadi hak bagi mereka tetapi juga satu kewajipan ke arah mewujudkan dan mengekalkan pemerintahan Islam.<sup>24</sup> Mengikut Ahmad Khairat, pandangan yang sama telah dikemukakan oleh al-Tabari, Ibn Hazm dan Dr. Muhammad Yusof Musa. Bagi mereka, wanita hendaklah diberi hak berpolitik sekiranya mereka berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang banyak bergantung kepada suasana dan perubahan.<sup>25</sup>

## Ulasan

Menilai pandangan-pandangan tersebut ternyata bahawa pandangan yang tidak membolehkan wanita menceburkan diri di dalam politik kurang tepat. Ia tidak mengambil kira beberapa nas al-Quran yang walaupun umum tetapi mempunyai kaitan yang rapat. Antara ayat tersebut yang telah dihuraikan sebelum ini ialah ayat 229, surah *al-Baqarah* dan surah *al-Nisa'* ayat 32.

Mengenai hadis Bukhari dan Muslim yang bermaksud bahawa: “Tidak akan memperolehi kejayaan bagi mana-mana kaum yang menyerahkan urusan (pimpinan) mereka kepada kaum wanita”, Ibn Hajar mengatakan bahawa kenyataan tersebut dibuat oleh Rasulullah (s. `a. w.) ekoran daripada tindakan Kisra Parsi, Busyrawaih Bin Abuwiz Bin Hurmuz melantik anak perempuannya Buran untuk menggantikannya sebagai ketua Parsi.<sup>26</sup> Ia tentu sekali bertujuan untuk memperkecilkan kerajaan Parsi itu dan tidak ada sangkut paut dengan kepimpinan wanita dalam Islam.

Manakala firman Allah s.w.t. dalam surah *al-Baqarah*, ayat 229 yang bermaksud: “Perempuan-perempuan itu mempunyai hak seimbang dengan kewajipan mereka iaitu secara patut dan bagi kaum lelaki mempunyai satu tingkatan kelebihan dari orang-orang perempuan” dan firman Allah dalam surah *al-Nisa'* ayat 34 yang

bermaksud: "Lelaki itu pemimpin bagi perempuan kerana Allah telah melebihkan sebahagian dari yang lain dan kerana lelaki itu telah menafkahkan sebahagian daripada hartanya". Imam Besar al-Marhum Mahmud Shaltut telah mengulas di dalam buku beliau *al-'Aqidah Wa al-Syariah*<sup>27</sup> bahawa maksud darjat ( **درجة** ) di dalam ayat yang pertama bukanlah bererti darjat kekuasaan ( **درجة السلطان** ) ataupun darjat yang membolehkan kaum lelaki melakukan paksaan atau berlaku sewenang-wenangnya terhadap kaum wanita ( **درجة القهر** ). Sebaliknya yang dimaksudkan adalah darjat sebagai ketua di dalam rumahtangga. Mereka telah diamanahkan supaya menjaga dan memimpin kaum keluarga ke arah yang baik serta bertanggungjawab untuk memberi sara hidup kepada isteri dan anak-anak. Tanggungjawab ini dijelaskan di dalam ayat yang kedua, iaitu "kerana lelaki itu telah menafkahkan sebahagian daripada hartanya". Begitulah juga di dalam ayat kedua. Kata Syaltut, bukanlah ayat Allah ini menunjukkan bahawa Allah telah mengutamakan atau melebihkan kaum lelaki daripada kaum wanita sebagaimana yang didakwa oleh sebahagian pendapat. Buktinya Allah tidak pula berfirman: "Sebagaimana diutamakan kaum lelaki daripada kaum wanita".

Ini menunjukkan bahawa Allah telah memberikan kelebihan dan keutamaan kepada kedua-dua jenis. Keadaan ini samalah juga jika kita katakan bahawa tangan kanan itu adalah lebih perlu dan utama dari tangan kiri. Atau dikatakan bahawa tangan itu lebih utama dari kaki. Tentu kenyataan ini tidak benar dan sekaligus tidak dapat diterima. Begitu juga halnya di antara kaum lelaki dan perempuan. Kedua mereka mempunyai kelebihan tersendiri serta saling perlu memerlukan di antara satu sama lain.

Manakala Prof. Dr. Hamka di dalam mentafsirkan ayat yang bermaksud: "Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita itu" berpendapat bahawa di dalam ayat ini tidak ada kata suruhan yang memerintahkan atau mewajibkan kaum lelaki menjadi pemimpin. Atau kaum wanita mesti menerima pimpinan. Ayat di atas adalah satu kenyataan. Kaum lelaki itu menjadi pemimpin kaum wanita adalah sesuatu yang biasa berdasarkan kedudukan dan tanggungjawab mereka di dalam hal-hal kekeluargaan. Misalnya, kaum lelaki sebagai suami bertanggungjawab memelihara dan melindungi isteri dan anak-anaknya. Memberi mahar apabila berkahwin, memberi nafkah setelah berkahwin. Mereka juga boleh berkahwin 4 orang asal mampu belaku adil.<sup>28</sup> Di sinilah titik tolak kepada kenyataan di dalam ayat di atas. Lelaki memimpin perempuan, bukan saja berlaku di kalangan manusia tetapi juga haiwan. Serombongan itik, itik jantan juga yang menjadi ketua yang memimpin berpuluh-puluh itik lain yang mengiringinya. Jadi, kepimpinan kaum lelaki di dalam banyak hal ke atas kaum wanita adalah lumrah yang telah diketahui umum. Namun, ia bukanlah satu kemestian untuk meletakkan tanggungjawab kepimpinan selain daripada urusan rumahtangga di atas bahu mereka juga. Bukanlah juga kerana faktor 'kebiasaan' maka kaum wanita tidak harus menyumbangkan kebolehan dan keilmuan di dalam kepimpinan.

Pandangan lain yang mengengahkan kelemahan-kelemahan tabi'e wanita adalah juga satu kenyataan yang berat sebelah. Kenyataan bahawa kaum wanita itu sering pendek akal, beremosi tinggi, cepat melenting apabila dikritik seolah-olah

menafikan wujudnya wanita yang berwibawa dan berperibadi tinggi. Apakah sifat-sifat jelek ini hanya milik kaum wanita? Tidakkah kalau ada sifat ini boleh diperbaiki dengan peningkatan nilai ilmu dan perubahan budaya hidup misalnya?

Manakala pandangan kedua yang mengharuskan kaum wanita melibatkan diri secara tidak terhad di dalam politik juga kurang tepat. Kerana ia terlalu longgar sehingga mengeneipkan beberapa tatasusila yang perlu dijaga oleh kaum wanita. Adalah lebih wajar kaum wanita menceburkan diri secara terikat dan mematuhi syarat-syarat tertentu yang berhubung rapat dengan tanggungjawab asasi dan tabi'e mereka. Sesuai dengan firman Allah dalam surah *al-Taubah* ayat 71 yang maksudnya: "Dan orang-orang lelaki mukmin dan orang perempuan mukminat, mereka adalah penolong bagi sebahagian yang lain, mereka menyuruh melakukan yang ma'aruf dan melarang melakukan yang munkar".

Ayat Quran di atas menunjukkan dengan jelas bahawa semua bidang aktiviti termasuk di dalam lingkungan ibadah. Ia merangkumi bidang ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Hal ini telah dinyatakan dengan jelas oleh ulama Islam yang terkenal iaitu Ibn Taimiyah. Beliau mengatakan bahawa setiap aspek kehidupan yang dilakukan dengan cara dan tujuan untuk mentaati dan mendapat kerelaan Allah adalah satu ibadah.<sup>29</sup> Oleh itu wanita mempunyai hak untuk menegur segala kebatilan yang dilakukan oleh pemerintah kerana amal ini juga termasuk di dalam lingkungan ibadah. Apatah lagi jika bidang pentadbiran tersebut berkaitan dengan hal ehwal kaum wanita sendiri. Tentulah mereka yang lebih memahami dan layak untuk mengendalikannya.

Mengiktiraf keupayaan ilmu dan keahlian seseorang Islam di dalam menentukan hak dan peranannya samada hak berpolitik mahupun hak-hak yang lain adalah perlu. Kalau sejarah awal Islam tidak memperlihatkan ada di kalangan kaum wanita yang melibatkan diri secara rasmi di dalam pemerintahan Islam, ianya hendaklah dirujuk kepada keupayaan ilmu dan kemahiran tentang tugas-tugas tertentu pada ketika itu. Jumlah wanita yang berilmu pengetahuan tinggi dan berkemahiran di zaman awal Islam adalah amat sedikit. Dr. Hassan Ibrahim Hassan di dalam bukunya *Tarikh al-Islam al-Siyasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtima'i* menjelaskan bahawa di waktu kehadiran Islam, jumlah mereka yang mengenal huruf di kalangan orang Quraish hanyalah seramai 17 orang. Untuk mengembangkan ilmu pengetahuan ini, Rasulullah sampai menetapkan syarat bagi membebaskan orang-orang tawanan perang Badar ialah mengajar ilmu pengetahuan kepada orang-orang Islam. Tujuannya agar kemahiran membaca dan menulis yang dimiliki oleh keturunan Bani Umayyah itu dapat diwarisi.<sup>30</sup>

Selain dari itu, tuntutan dari kalangan wanita pada zaman awal Islam tidak berlaku. Kerana pemerintahan Islam pada ketika itu walaupun dikuasai penuh oleh kaum lelaki tetapi dijalankan dengan adil termasuk terhadap kaum wanita. Jadi, tidak ada sebab mengapa kaum wanita pada ketika itu perlu turut serta berpolitik. Sebenarnya kaum wanita pada ketika itu sangat berpuas hati kerana keadaan mereka selepas kedatangan Islam adalah jauh lebih baik dari apa yang pernah mereka harungi di zaman jahiliyyah dahulu. Kenikmatan ini menyebabkan mereka tidak lagi memerlukan

yang lebih dari itu.

Realiti hari ini berbeza dengan apa yang telah dipaparkan sebelum ini. Keadaan masyarakat yang berbilang bangsa dan keturunan serta cita-cita untuk mewujudkan sebuah pemerintahan Islam yang adil pada musim ini memerlukan penglibatan semua pihak. Kaum wanita pada hari ini juga telah didedahkan dengan budaya ilmu secara meluas sehinggakan nisbah kaum wanita adalah 3:1 kepada kaum lelaki di pusat-pusat pengajian tinggi.<sup>31</sup> Keupayaan ilmu yang mereka miliki tidak dapat disangkal. Kejayaan mereka di dalam profesion tertentu sering menjadi paparan dan bahan bacaan.<sup>32</sup> Kemampuan ini sebolehnya tidak boleh dipersiapkan dan mesti digunakan bukan sahaja untuk pembangunan keluarga secara individu tetapi bangsa dan negara keseluruhannya.

Namun dari sudut praktikalnya, kaum wanita tidak boleh lari daripada mematuhi tatasusila yang digariskan oleh Allah s.w.t. supaya tidak akan timbul nanti sebarang gejala yang tidak sihat. Di antaranya, perlu mendapat keizinan suami iaitu bagi wanita yang telah berkahwin atau daripada wali, bagi yang belum berumahtangga. Mereka juga hendaklah mengutamakan dan tidak mengabaikan tanggungjawab asasnya sebagai isteri dan ibu. Seterusnya menjaga maruah, menutup aurat dan menjaga batasan pergaulan. Pendek kata, biarlan niat yang murni untuk berkhidmat itu disusuli dengan perlakuan yang luhur juga serta tidak melanggar ketetapan-ketetapan hukum syara'. Sekiranya ketetapan-ketetapan ini tidak dipatuhi, keterlibatan tersebut menjadi haram. Hukum haram ini bukan disebabkan jawatan itu sendiri tetapi oleh perkara-perkara lain yang mencacatkannya seperti yang disebut di atas tadi. Dengan kata lain haram itu adalah haram yang mendatang. Iaitu sesuatu perkara yang pada asalnya diharuskan tetapi menjadi sebaliknya iaitu haram apabila didatangi oleh unsur-unsur atau sebab-sebab yang tidak dibolehkan di dalam Islam.<sup>33</sup> Contoh lain ialah berjual-beli pada waktu sembahyang Jumaat sepatutnya ditunaikan. Berjual-beli itu pada asal hukumnya adalah harus, tetapi menjadi haram jika ia dilakukan pada waktu sembahyang Jumaat. Begitulah juga dengan masalah yang dibincangkan di atas tadi. Hukum yang kedua ini dinamakan sebagai haram *lighairihi* ( **لغيره** ) dan bukannya haram *lizatihi* ( **لذاته** ) iaitu hukum yang memang pada asalnya haram.



**Nota Kaki**

1. Muhammad 'Ali Qutb, *Bai'ah al-Nisa' Li al-Nabi*, 1982, hal. 96.
2. Prof. Dr. Hamka, *Tafsir al-Azhar*, Jld. 1-2-3, t.t. hal.213.
3. Al-'Allamah JalaludDin Muhammad Bin Ahmad al-Mahalli dan JalaludDin AbdurRahman Bin Abi Bakr al-Sayuti, *Tafsir al- Imamain al-Jalalain*, t.t. hal.48.
4. Al-Hafiz Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Jld. 1, t.t. hal.48.
5. Prof. Dr. Hamka, *op.cit.*, hal.48.
6. Dr. AbdulKarim Zaidan, *Usul al-Da'wah*, cet. ketiga, 1987, Muassasah al-Risalah Beirut, hal.213.
7. Al-Hafiz Ibn Kathir, *op.cit.*, hal.491.
8. *Sahih Bukhari*, Jld.3, hh.134-135.
9. Al-Sheikh al-Imam al-Mujtahid al-Qathralimani Muhammad bin 'Ali Bin Muhammad al-Shawkani, *Nail al-Awthar*, Jld.8, t.t. hal.264.
10. Dr. Zaidan Abdul Baqi, *al-Mar'ah Baina al-Din Wa al-Mujtama'*, 1977, hal.134.
11. *Ibid.*
12. Dr. Abdul Karim Zaidan, *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*, Jld. 2, 1987. Muassasah al-Risalah Beirut, hal.179. Lihat juga Hassan Ahmad al-Khatib, *al-Fiqh al-Islami*, Jld. 1, 1952, hal. 147.
13. Maulana Maududi, *Selected Speeches And Writings Of Maulana Maududi*, International Islamic Publishers, Pakistan, 1981, hal.137.
14. Hadis riwayat *al-Nasai'*, Jld. 4, hal.227.
15. Muhammad 'Ali Qutb, *op.cit.*, hal.96.
16. Masyitah Mokhtar, *Wanita: Masalah Dan Penyelesaiannya*, terbitan Media Publisher, 1989, hh.120-121.
17. Mustafa al-Siba'i, *al-Mar'ah Baina al-Fiqh Wa al-Qanun*, 1971, hal.161.
18. Dr. Muhammad 'Ali al-Bar, *'Amal al-Mar'ah Fi al-Mizan al- Sa'udiah*, 1984. hal.224.
19. *Ibid.*
20. Muhammad 'Ali Qutb, *op.cit.*, hal.96.
21. Muhammad 'Ali Qutb, *op.cit.*, hal.98.

22. *Ibid.*
23. Harun Bin Taib, *Muslimat Pembangun Ummah*, 1989, hal.43.
24. *Ibid.*
25. Ahmad Khairat, *Markaz al-Mar'ah Fi al-Islam*, Jld. 3, t.t. hal.53.
26. Sheikh Muhammad al-Bahiry, *al-Mar'ah wa al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, 1984. hal.147.
27. Ahmad Khairat, *op.cit.*, hal.27.
28. Prof. Dr. Hamka, *op.cit.*, hal.58.
29. Dr. Yusuf al-Qardhawi, *al-Ibadah Fi al-Islam*, Jld. 17, 1985, hal.51.
30. Dr. Hassan Ibrahim Hassan, *Tarikh al-Islami*, Jld. 8, 1974, hal.66.
31. Jamilah Ariffin, *Women And Development In Malaysia*, Pelanduk Publishers, 1992, hal.63.
32. *Ibid*, hal.106.
33. Dr. AbdulKarim Zaidan, *op.cit.*, hal.42.